

17 MAR 2001

Chong-Jawatan

CHONG DIJANGKA ANGKAT SUMPAAH HUJUNG BULAN INI

KOTA KINABALU, 17 Mac (Bernama) -- Datuk Chong Kah Kiat, yang diumumkan sebagai Ketua Menteri Sabah yang baru semalam, dijangka mengangkat sumpah jawatan itu hujung bulan ini.

Chong, yang ditemui pemberita di Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu di sini selepas kembali dari ibu negara, berkata upacara itu mungkin diadakan selepas lawatan dua hari Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke Sabah pada 24 dan 25 Mac ini.

Ditanya sama ada tarikh upacara mengangkat sumpah itu telah ditetapkan, beliau berkata: "Belum lagi."

Chong, 53, adalah presiden Parti Liberal Demokratik (LDP).

Beliau diumumkan sebagai Ketua Menteri Sabah ke-12 semalam menggantikan penyandang jawatan itu sekarang Datuk Osu Sukam yang telah tamat tempoh dua tahun mengikut sistem penggiliran jawatan itu di Sabah.

Chong dalam kabinet Osu merupakan Menteri Pembangunan Pelancongan, Alam Sekitar, Sains dan Teknologi.

Beliau juga akan mengadakan perjumpaan dengan Dr Mahathir sekali lagi minggu depan bagi membincangkan komposisi kabinet negeri.

"Kami telah mengadakan perbincangan awal mengenai perkara itu (barisan kabinet) tetapi saya akan menemui Perdana Menteri sekali lagi minggu depan untuk memuktamadkan barisan kabinet," katanya.

Chong juga berharap barisan kabinet negeri akan mengangkat sumpah pada hari yang sama dengan beliau.

Ditanya sama ada terdapat rombakan besar bagi kabinet sedia ada, Chong berkata: "akan ada perubahan yang agak menarik dan penting... akan ada sedikit perubahan."

Kepada soalan sama ada portfolio kewangan akan diisi, beliau berkata ramai yang menunjukkan minat terhadap jawatan itu tetapi "kita akan pilih pemimpin yang sesuai untuk jawatan itu."

"...akan ada juga pengubahsuaian anggota kabinet," katanya.

Dalam kabinet Osu, ketua menteri juga menjalankan tugas-tugas menteri kewangan.

Kepada soalan sama ada terdapat muka baru dalam barisan kabinet atau sama ada Osu akan menjadi sebahagian daripada barisan kabinet berkenaan, Chong berkata perkara itu akan diketahui kemudian.

Chong, Anggota Dewan Undangan Negeri Kudat, berkata beliau belum sempat bertemu Osu sejak pengumuman mengenai pelantikannya (Chong) diumumkan Perdana Menteri semalam.

"Kami sama-sama menghadiri banyak acara di ibu negara...saya harap akan dapat berjumpa dengan beliau selepas ini," katanya.

Beliau juga yakin masyarakat Kadazandusun dan Bumiputera bukan Islam akan terus memberi sokongan kepada Barisan Nasional (BN) walaupun bukan pemimpin mereka yang dipilih untuk menyandang jawatan itu.

"Saya rasa apa yang penting ialah BN teguh dan bukan hanya menumpu kepada satu kedudukan...saya rasa Kadazandusun akan terus menyokong BN," katanya.

Beliau juga berikrar akan berkhidmat sebaik mungkin untuk rakyat dan negeri ini.

-- BERNAMA

NT JS NAK